

KETERDEDAHAN WANITA TERHADAP RISIKO BULI SIBER DALAM MEDIA DIGITAL SEMASA PENGUATKUASAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

Khairul Azhar Meerangani

Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari
Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka

Mohammad Fahmi Abdul Hamid

Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari
Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka
Emel: fahmihamid@uitm.edu.my

Ahmad Faqih Ibrahim

Pensyarah, Fakulti Keilmuan Islam, Kolej Universiti Islam Melaka
Emel: ahmadfaqih@kuim.edu.my

Muhammad Hilmi Mat Johar

Pensyarah, Fakulti Keilmuan Islam, Kolej Universiti Islam Melaka
Emel: hilmi@kuim.edu.my

Corresponding Author's Email: azharmeerangani@uitm.edu.my

Article history:

Received : 15 April 2021

Accepted : 28 May 2021

Published : 31 October 2021

ABSTRAK

Malaysia merupakan negara ke-9 yang mencatatkan penggunaan media sosial paling aktif di dunia iaitu hampir 80 % daripada keseluruhan penduduknya. Penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) susulan ancaman pandemik COVID-19 yang dilaksanakan sejak 18 Mac 2020 telah memperkenalkan rakyat Malaysia dengan norma baharu, antaranya penggunaan media digital dan aplikasi atas talian bagi pelbagai tujuan dan keperluan. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) melaporkan peningkatan permintaan terhadap jalur lebar serta aliran trafik penggunaan internet secara mendadak sejak pelaksanaan PKP kerana aktiviti perniagaan, pembelajaran, persidangan, mesyuarat dan sebagainya dijalankan dari rumah. Dalam masa yang sama, sebanyak 3,075 insiden keselamatan siber dilaporkan hanya dalam tempoh 18 Mac hingga 31 Julai 2020 dengan peningkatan sebanyak 109.4% berbanding tempoh sama pada tahun sebelumnya. Berdasarkan statistik, hampir 60% daripada mangsa gangguan siber yang dilaporkan terdiri dalam kalangan wanita. Justeru, kajian ini bertujuan menganalisis keterdedahan wanita terhadap risiko buli siber dalam media digital

semasa penguatkuasaan PKP. Kajian dijalankan secara kuantitatif menggunakan reka bentuk tinjauan menerusi edaran set soal selidik secara online (*google form*) kepada 296 responden dalam kalangan wanita di Melaka. Dapatan kajian merumuskan gangguan siber yang berlaku terhadap responden, iaitu menerima cemuhan dan diaibkan dalam media digital (40.2%), akaun aplikasi digital dicerobohi (28.3%), gangguan seksual (32.4%) serta pelecehan fizikal (16.5%). Oleh itu, kesedaran terhadap hak dan tanggungjawab pengguna media digital perlu dipertingkatkan bagi mewujudkan ekosistem digital yang harmoni dan selamat dalam kalangan masyarakat.

Kata Kunci: Internet, Wanita, Buli Siber, Media Digital, Keselamatan Siber

WOMEN'S EXPOSURE TO THE RISK OF CYBER BULLYING IN DIGITAL MEDIA DURING THE ENFORCEMENT OF THE MOVEMENT CONTROL ORDER (MCO)

ABSTRACT

Malaysia is the 9th country to record the most active use of social media in the world, which is almost 80 % of its total population. The enforcement of the Movement Control Order (PKP) following the COVID-19 pandemic threat implemented since 18 March 2020 has introduced Malaysians to new norms, including the use of digital media and online applications for various purposes and needs. The Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC) reported a sharp increase in demand for broadband and internet traffic flow since the implementation of PKP due to business activities, learning, conferences, meetings and so on conducted from home. At the same time, a total of 3,075 cyber security incidents were reported only in the period March 18 to July 31, 2020 with an increase of 109.4% over the same period in the previous year. Based on statistics, almost 60% of the reported victims of cyberbullying are women. Thus, this study aims to analyze the exposure of women to the risk of cyberbullying in digital media during the enforcement of PKP. The study was conducted quantitatively using a survey design through the distribution of a set of online questionnaires (google form) to 296 respondents among women in Melaka. The findings of the study summarized the cyber harassment that occurred against the respondents, namely receiving ridicule and humiliation in digital media (40.2%), digital application accounts hacked (28.3%), sexual harassment (32.4%) and physical harassment (16.5%). Therefore, awareness of the rights and responsibilities of digital media users needs to be enhanced to create a harmonious and safe digital ecosystem in society.

Keywords: *Internet, Women, Cyber Bullying, Digital Media, Cyber Security*

PENGENALAN

Revolusi Industri 4.0 telah menyumbang kepada perkembangan pesat dalam teknologi maklumat dan komunikasi. Bagi memastikan Malaysia tidak ketinggalan daripada perkembangan ini, pihak kerajaan telah merencanakan Hala Tuju Komprehensif Revolusi Perindustrian 4.0 (IR 4.0) dan Digital Nasional bagi memastikan pelaksanaan infrastruktur digital di negara ini dapat memanfaatkan semua rakyat, seterusnya memacu pertumbuhan ekonomi Malaysia. Hala tuju ini akan memfokuskan enam komponen utama iaitu pembangunan bakat digital, teknologi baharu, ekonomi segalanya, masyarakat dan berkaitan kerajaan. Selain itu, pihak kerajaan di bawah Rancangan Malaysia ke-12 (2021–2025), turut komited dalam usaha menambahbaik komunikasi digital negara menerusi pelaksanaan pelan infrastruktur digital, yang dikenali sebagai Jalinan Digital Negara (JENDELA). Pelan ini menjadi platform penting dalam menyediakan liputan perkhidmatan jalur lebar yang menyeluruh dan berkualiti tinggi, sekaligus mempersiapkan negara untuk peralihan kepada teknologi 5G secara mantap. Pihak kerajaan juga telah menyuntik pelaburan tambahan bernilai RM400 juta menerusi Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) bagi membolehkan industri telekomunikasi memperkukuhkan prestasi rangkaian masing-masing. Maka, semua pihak termasuk kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan, kementerian dan agensi berkaitan telah digemblengkan bagi menyokong aspirasi kerajaan untuk menjadikan perkhidmatan komunikasi sebagai kemudahan asas bagi memacu negara ke arah ekonomi digital.

Dalam masa yang sama, epidemik Coronavirus Infectious Disease 2019 (COVID-19) yang mula dikesan di Wuhan, China penghujung 2019, merebak dengan begitu pantas menjadi pandemik yang mengubah landskap domestik dan antarabangsa pada masa kini. Sehingga September 2020, hampir 30 juta penduduk dunia disahkan positif virus COVID-19 dengan angka kematian yang mencecah 1 juta orang. Malaysia antara negara yang turut terkesan dengan penularan wabak ini meskipun peringkat awalnya bermula dengan sedikit perlahan, iaitu hanya sekitar 22 kes sahaja pada Januari 2020. Namun, kemunculan 'Kluster Sri Petaling' yang dikesan pada 11 Mac 2020 susulan perhimpunan jemaah tabligh di Masjid Sri Petaling, menyaksikan peningkatan mendadak bilangan individu yang disahkan positif COVID-19, sehingga mencecah tiga angka setiap hari. Perkembangan ini telah menyebabkan pihak kerajaan terpaksa menguatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) secara berperingkat, bermula PKP Fasa 1 (18-31 Mac 2020), PKP Fasa 2 (01-14 April 2020), PKP Fasa 3 (15-28 April 2020) dan PKP Fasa 4 (29 April-12 Mei 2020). Dalam tempoh ini juga, pihak kerajaan sendiri telah menguatkuasakan pelbagai Prosedur Operasi Standard (SOP) merangkumi kawalan pergerakan dan aktiviti serta penutupan sektor-sektor berisiko bagi melindungi rakyat Malaysia khususnya daripada ancaman pandemik ini. Hasilnya, penurunan kes berjaya dicatatkan seterusnya membolehkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) digantikan dengan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan seterusnya Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

Meskipun begitu, PKP yang diperkenalkan sejak 18 Mac 2020 secara tidak langsung telah memperkenalkan rakyat Malaysia dengan suatu norma baharu, antaranya penggunaan media sosial dan aplikasi atas talian bagi pelbagai tujuan dan keperluan. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) melaporkan peningkatan permintaan terhadap jalur lebar secara mendadak sejak pelaksanaan PKP kerana aktiviti perniagaan, pembelajaran, persidangan, mesyuarat dan sebagainya dijalankan dari rumah. Pematuhan terhadap PKP yang dilaksanakan menyaksikan peningkatan sebanyak 23.5% dalam aliran trafik internet di seluruh negara pada minggu pertama PKP, dan seterusnya meningkat lagi sebanyak 8.6% pada minggu kedua (SKMM, 2020). Ledakan kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) telah banyak memudahkan kehidupan masyarakat. Banyak urusan dan perkhidmatan yang mampu diakses dan diuruskan secara atas talian (online) dengan pantas. Namun, tidak semua pengguna memanfaatkan kemajuan hasil dari perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi ini dengan baik. Sebahagian mereka dikesan telah menyalahgunakan medium siber sebagai platform bagi melakukan jenayah dan mengaut keuntungan secara mudah, sehingga membawa kepada masalah jenayah siber yang semakin serius.

Menurut Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Zahidi Zainul Abidin, aduan jenayah siber dilaporkan meningkat sehingga 91.37 % semasa PKP dari 18 Mac sehingga 30 Jun 2020, berbanding kes yang dilaporkan pada tahun 2019. Menurut beliau, antara jenayah siber yang menerima aduan tertinggi ialah buli siber, penipuan, mencuri data dan penggodaman terutama di kawasan bandar yang mempunyai kelajuan capaian internet (RTM, 2020). Justeru, tindakan pantas dan kolektif telah dilakukan oleh pihak berkuasa terutamanya melibatkan SKMM, Cyber Security dan PDRM bagi mencegah aktiviti jenayah ini daripada berleluasa, seterusnya melindungi pengguna media sosial dan aplikasi atas talian daripada terperangkap dengan jenayah-jenayah tersebut.

PENGUNAAN MEDIA SOSIAL DI MALAYSIA

Revolusi Industri 4.0 telah membawa perubahan besar dalam dunia digital. Perkembangan dunia digital yang diterajui oleh teknologi maklumat dan komunikasi semakin canggih dan sofistikated. Ia turut memberi kesan yang besar terhadap pola interaksi sosial dalam masyarakat. Dalam interaksi yang berlaku pada hari ini, jaringan pengguna telah merentasi sempadan negara, agama dan bangsa. Mereka dapat berkomunikasi dengan pantas, murah, mudah dan tanpa batasan. Berdasarkan laporan statistik penggunaan internet sedunia, sejumlah 26.4 juta orang daripada 32.68 juta penduduk Malaysia adalah pengguna internet pada suku kedua tahun 2019. Penggunaan internet lebih tertumpu kepada media sosial baharu seperti Facebook, Twitter, Instagram dan Whatsapp. Namun begitu, kebelakangan ini kita dipaparkan dengan pelbagai gejala tidak sihat yang berlaku dalam kalangan warga dunia digital, melibatkan penyalahgunaan dalam media sosial. Gejala ini termasuklah pengintipan dan pembulian siber, penyebaran fitnah dan berita palsu, membuat komentar yang

tidak beradab dan ujaran kebencian, di samping meniup sentimen perkauman dan keagamaan.

Penggunaan media sosial dan aplikasi atas talian di Malaysia dikawal selia oleh pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM). SKMM berperanan melaksana dan menguatkuasa penyediaan undang-undang komunikasi dan multimedia, mengawal selia semua perkara berkaitan aktiviti komunikasi dan multimedia, mengawal dan memantau aktiviti komunikasi dan multimedia serta mengambil tindakan terhadap setiap aduan berkaitan komunikasi dan multimedia. Berdasarkan laporan, sebanyak 11,235 aduan berkaitan media baharu yang direkodkan sepanjang Januari-Jun 2020, merangkumi aktiviti penggodaman, perjudian dalam talian, promosi pelacuran, pelanggaran hak cipta, pemalsuan, pornografi, hasutan dan sebagainya. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 11,216 atau 99.83% aduan berjaya dikendalikan, iaitu 80.56% aduan yang telah diberi nasihat, panduan dan pendidikan kepada masyarakat, 18% aduan yang telah dirujuk kepada pihak penyedia platform media sosial untuk tindakan lanjut berasaskan terma dan syarat, serta 1.27% yang didapati melanggar peruntukan di bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia (AKM) 1998 (SKMM, 2020). Secara umumnya, kes penipuan atas talian, buli siber serta berita palsu dan berbaur hasutan dilihat mendominasi jenayah siber sepanjang PKP yang menyaksikan peningkatan aduan berkaitan ketiga-tiga bentuk jenayah ini.

Era globalisasi menyaksikan peningkatan kecanggihan teknologi masa kini terutamanya membabitkan medium siber. Komunikasi tanpa sempadan yang semakin menjadi trend menyaksikan pertambahan bilangan penggunaan teknologi ICT seperti komputer dan telefon bimbit. Meskipun kewujudan dunia tanpa batasan ini mampu memberikan impak yang positif, namun dalam masa yang sama wujud juga kesan negatif yang terhasil seperti gejala buli siber. Buli siber ditakrifkan sebagai penggunaan komunikasi berasaskan teknologi termasuk telefon selular, emel, mesej segera dan jaringan sosial yang bertujuan untuk menimbulkan gangguan atau ugutan terhadap individu melalui mesej atau ekspresi secara dalam talian (Che Hasniza, Mohd Yusri & Fatimah, 2018). Lebih membimbangkan, gejala ini semakin meningkat dan berevolusi dalam pelbagai bentuk sehingga mengundang amaran daripada pihak berkuasa. Pelaksanaan PKP secara tidak langsung telah merancakkan gejala ini disebabkan faktor banyak masa terluang dan tekanan yang dialami sewaktu berada di rumah (Noriha Basir, Mohamad Zaki & Ina Suryani, 2020).

Kegusaran menghadapi norma baharu sepanjang ancaman COVID-19 seharusnya tidak disalahgunakan untuk penyebaran informasi tidak sah sehingga mencetuskan kepanikan dalam kalangan masyarakat awam. Ancaman pandemik sewajarnya ditangani secara serius, dan bukannya dijadikan bahan hiburan dan menimbulkan kegusaran awam. Masyarakat juga perlu lebih berhati-hati dalam menerima dan menyebarkan sebarang maklumat, terutama yang masih diragui status kebenarannya (Mohd Anuar et al., 2018). Sebarang informasi berkaitan COVID-19 boleh diperolehi menerusi portal rasmi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) atau World Health Organisation (WHO). Selain itu, pihak SKMM turut menyediakan kemudahan semakan info

menerusi portal Sebenarnya.my sebagai platform kepada orang awam mengenalpasti status sesuatu maklumat yang berlegar di media sosial.

Namun begitu, dalam tempoh 6 bulan pertama tahun 2020, kes-kes berkaitan penyebaran berita palsu dilihat lebih mengambil tempat berbanding kesalahan hasutan. Pengalaman masyarakat dalam menghadapi ancaman wabak COVID-19 sehingga mencetuskan norma baharu ternyata telah menimbulkan keterujaan baharu di media sosial, terutamanya dengan berkongsi dan menyebarkan berita palsu berkaitan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Bantuan Prihatin Nasional (BPN), bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan hal-hal berhubung pandemik COVID-19. Akses terhadap maklumat yang lebih banyak berada atas talian (online) menyebabkan berlaku lambakan informasi data raya dalam media sosial. Budaya penularan berita palsu hanya mewujudkan kognitif negatif dalam masyarakat sehingga menimbulkan kepanikan, keterujaan dan permainan emosi yang akhirnya membawa kepada suasana yang negatif (Noriha Basir et.al, 2020).

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif CyberSecurity Malaysia (CSM), Datuk Dr Amirudin Abdul Wahab, masyarakat perlu lebih peka dan bersedia dengan ancaman buli siber yang semakin serius kerana ia lebih berbahaya berbanding pbulian yang dilakukan secara fizikal. Gejala buli siber ini boleh dilakukan oleh sesiapa saja tanpa kawalan kerana melibatkan medium siber. Identiti pembuli juga ada kalanya sukar dikenal pasti kerana internet menyediakan tetapan 'ketanpanamaan' (anonymity). Selain itu, akses terhadap kandungan buli tersebut juga sentiasa berulang kerana bahan tersebut kekal di medium siber selagi tidak dipadamkan oleh pembuli. Hal ini menyebabkan sebahagian mangsa buli menghadapi tekanan dan dalam sesetengah kes menimbulkan keinginan mangsa untuk membunuh diri (Che Hasniza et.al, 2018).

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBM) pada tahun 2017 telah menjalankan kajian ke atas 1382 belia berumur 15 hingga 30 tahun terdiri dari 6 zon berbeza iaitu Zon Utara, Zon Timur, Zon Tengah, Zon Selatan, Sabah dan Sarawak. Kajian ini dilakukan bagi menganalisis fenomena buli siber dalam kalangan belia di Malaysia. Hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti daripada golongan belia pernah terlibat sebagai mangsa buli siber iaitu sebanyak 62.3%, dengan 1.21% daripadanya pula menghadapi tekanan perasaan sehingga cuba membunuh diri (IPPBM, 2017). Berdasarkan kajian ini, golongan yang dikesan paling terdedah kepada gejala pbulian siber ialah wanita iaitu sebanyak 58.19% berbanding lelaki iaitu sebanyak 41.81% sahaja. Kajian Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) dan portal MyHealth Malaysia terhadap lebih 5,000 responden pula mendedahkan bahawa, 3 daripada 10 golongan muda di Malaysia menjadi mangsa buli siber sekaligus mempengaruhi pendidikan dan kehidupan sosial mereka. (Regina Maria, 2019).

Kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi yang semakin berkembang pesat selaras dengan era Revolusi Industri 4.0 menjadikan segala urusan berada di hujung jari sahaja. Meskipun banyak manfaat yang diperoleh hasil perkembangan ini, namun dalam sudut yang lain aspek privasi dan

keselamatan setiap pengguna medium siber turut perlu diberikan perhatian utama (Windarsih & Choiriyati, 2019). Kecanggihan teknologi seharusnya tidak mengkhakis nilai kemanusiaan setiap pengguna sehingga dijadikan sebagai instrumen memanipulasi dan mencero bohi hak sesama mereka. Bahkan, penggunaan media sosial dan aplikasi atas talian secara beretika mampu menjadikan medium siber sebagai platform baharu yang bermanfaat dalam melaksanakan pelbagai aktiviti dan keperluan semasa.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan secara kuantitatif menggunakan reka bentuk tinjauan. Set borang soal selidik diserahkan kepada responden terpilih untuk memperoleh data yang diperlukan dalam kajian. Sampel kajian yang dipilih ialah pengguna media sosial dalam kalangan belia wanita di Melaka. Berdasarkan jadual Krejci dan Morgan (1970), anggaran saiz sampel adalah seramai 400 orang. Namun setelah penilaian dilakukan, hanya 296 responden sahaja yang boleh dikategorikan sebagai sampel kajian. Pemilihan sampel kajian menggunakan teknik persampelan bertujuan (*purposive sampling*) di mana sampel terdiri daripada sampel yang khusus dan spesifik serta bertepatan dengan objektif kajian. Maklumat profil responden diperoleh daripada maklum balas yang terdapat dalam borang soal selidik yang telah diedarkan kepada semua responden melalui google form. Proses pemerihal an tertumpu kepada faktor demografi responden iaitu umur, platform media sosial, tempoh masa dan tujuan melayari internet.

Bagi menguji kesahihan dan kebolehpercayaan item dalam soal selidik yang dipilih sebelum kajian sebenar dijalankan, kajian rintis telah dijalankan terlebih dahulu untuk mengenal pasti sejauh mana kesesuaian keseluruhan penggunaan instrumen kepada responden kajian, terutamanya melibatkan penggunaan istilah dan struktur ayat. Responden bagi kajian rintis ini dipilih secara rawak mudah terdiri daripada 30 orang pengguna media sosial dalam kalangan belia wanita di Melaka. Dapatan kajian rintis adalah seperti berikut:

Jadual 1: Reliability Statistics

Cronbach's Alpha	N of Items
.753	24

Berdasarkan Jadual 1 di atas, Cronbach's Alpha untuk kesemua item ialah .753 dengan 24 item diukur dan boleh diterima. Menurut Sproles dan Kendall (1986), Cronbach's Alpha adalah ukuran konsistensi dalaman, iaitu sejauh mana berkaitan dengan satu set item sebagai satu kumpulan. Ia dianggap sebagai ukuran kebolehpercayaan skala dalam faktor di mana koefisien Alpha Cronbach's pada 0.4 atau lebih tinggi dianggap boleh diterima. Oleh itu, kita dapat membuat kesimpulan bahawa Cronbach's Alpha untuk semua pemboleh ubah dalam kajian ini dianggap boleh diterima.

Apabila data melalui metode soal-selidik telah dikumpulkan dan dikey-in dalam borang yang disediakan dalam program SPSS, ia akan dianalisis dan dikemukakan dalam bentuk statistik deskriptif (Zulkarnain & Hishamuddin, 2001). Menurut Alias Baba (1997), statistik deskriptif digunakan untuk memperihalkan keadaan data yang terdapat pada sampel kajian. Ianya ialah proses mengumpul data, membuat rumusan dan menyampaikan rumusan dan bentuk yang senang difahami oleh kumpulan sasaran. Dengan kaedah SPSS ini seseorang penyelidik boleh membuat perkiraan mengenai purata (min), sisihan piawai, varians dan lain-lain bagi sesuatu pemboleh ubah (Ahmad Mahdzan, 1983). Selain itu, statistik deskriptif bertujuan memberi penerangan yang sistematik mengenai fakta dan ciri-ciri sesuatu populasi atau bidang yang diminati secara fakta dan tepat (Sidek, 2000). Analisis dilakukan menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) for Windows version 22.0*.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, analisis terhadap dapatan yang diperoleh telah dilakukan seperti berikut :

a) Analisis Demografi Responden

Profil responden dibentuk untuk melihat ciri-ciri responden dalam kajian ini serta mengenal pasti dan memberi maklumat mengenai latar belakang responden. Profil responden berdasarkan soal selidik yang diperoleh seperti berikut:

Jadual 2: Demografi Responden

Jenis Demografi	Kekerapan	Peratus (%)
Umur		
15 hingga 25 tahun	214	72.3
25 hingga 35 tahun	65	21.9
35 hingga 45 tahun	17	5.8
Media Sosial Kerap Digunakan		
Facebook	14	4.6
Twitter	41	13.8
Whatsapp	111	37.4
Telegram	4	1.4
Instagram	52	17.4
Youtube	44	14.7
Tik Tok	21	7.1
Lain-lain	12	3.6

Tujuan Melayari Internet		
Bermain game	12	4.1
Mencari Maklumat/Belajar	91	30.7
Menghilangkan Kebosanan	104	35.1
Menyelesaikan Tugas	72	24.3
Lain-lain	17	5.8
Tempoh Melayari Internet		
Kurang 1 jam	2	0.5
1 hingga 3 jam	34	11.5
4 hingga 6 jam	111	37.4
6 jam ke atas	149	50.6

Jadual 2 menunjukkan bilangan dan peratusan responden mengikut umur. Daripada analisis demografi, kajian ini melibatkan pelbagai peringkat umur yang telah dibahagikan kepada 3 kategori umur iaitu 15 hingga 25 tahun, 25 hingga 35 tahun dan 35 hingga 45 tahun. Majoriti responden berada pada kategori umur 15 hingga 25 tahun iaitu 214 orang (72.3%), diikuti responden yang berumur 25 hingga 35 tahun seramai 65 orang (21.9%) dan yang terakhir responden berumur 35 hingga 45 tahun iaitu seramai 17 orang (5.8%). Bagi media sosial yang kerap digunakan, majoriti responden menggunakan aplikasi Whatsapp iaitu seramai 111 orang (37.4%), diikuti Instagram seramai 52 orang (17.4%), Youtube 44 orang (14.7%), Twitter 41 orang (13.8%), Tik Tok 21 orang (7.1%), Facebook 14 orang (4.6%), lain-lain 12 orang (3.6%) serta Telegram yang terakhir iaitu seramai 4 orang (1.4%) Bagi tujuan melayari internet pula, majoriti responden berada pada kategori menghilangkan kebosanan iaitu seramai 104 orang (35.1%) diikuti mencari maklumat atau belajar seramai 91 orang (30.7%), seterusnya menyelesaikan tugas seramai 72 orang (24.3%), lain-lain tujuan 17 orang (5.8%) serta yang terakhir bermain game sebanyak 12 orang (4.1%). Analisis demografi yang terakhir melibatkan pelbagai peringkat tempoh masa melayari internet yang telah dibahagikan kepada 4 kategori iaitu kurang 1 jam, 1 hingga 3 jam, 4 hingga 6 jam dan 6 jam ke atas. Majoriti responden berada pada kategori 6 jam ke atas iaitu seramai 149 orang (50.6%), diikuti 4 hingga 6 jam seramai 111 orang (37.4%), 1 hingga 3 jam 34 orang (11.5%) dan yang terakhir responden yang melayari internet kurang dari 1 jam seramai 2 orang (0.5%).

b) Analisis Deskriptif

Analisis deskriptif memberi ringkasan serta maklumat mengenai data-data yang digunakan dalam kajian ini. Analisis ini dilakukan untuk melihat penglibatan dan keterdedahan responden terhadap gejala pembulian siber dalam media sosial.

Jadual 3: Analisis Deskriptif Bagi Setiap Soalan

Bil	Soalan	Peratusan				
		STS	TS	N	S	SS
1	Saya pernah diaibkan di media sosial	17.8	31.5	12.4	21.7	16.6
2	Saya pernah menerima ugutan dan kejian di media sosial	21.1	39.2	8.9	19.3	11.5
3	Saya pernah mempersendakan mana-mana kenalan di media sosial	29.1	22.3	11.8	5.7	1.0
4	Saya pernah menerima komen memalukan dan berunsur penghinaan di media sosial	49.0	11.8	5.1	21.6	12.5
5	Saya pernah menyebarkan berita atau maklumat palsu di media sosial	59.9	20.3	8.8	8.0	3.0
6	Saya seronok melihat individu lain diejek dan dibuli di media sosial	82.8	13.9	2.0	1.4	0
7	Saya pernah menerima gangguan seksual dalam media sosial	48.0	14.9	12.2	14.5	10.5
8	Laman media sosial peribadi saya pernah digodam atau diceroboh	53.7	16.2	9.8	16.2	4.1
9	Saya pernah memuat naik video dan hantaran individu lain tanpa memberi kredit kepada pemilik asal	62.5	19.3	14.9	2.7	0.7
10	Penampilan saya di media sosial sering dijadikan bahan jenaka	55.9	24.7	7.4	10.7	1.4
11	Saya pernah mengedit dan mengubahsuai gambar individu lain bagi tujuan gurauan	71.0	16.6	8.8	3.4	0.3
12	Video atau penulisan saya di media sosial dikongsikan tanpa kebenaran	61.8	18.6	8.8	7.1	3.7
13	Saya pernah menggodam akaun media sosial sahabat saya untuk bergurau	77.7	16.2	2.0	4.0	0
14	Saya seronok menyerang akaun media sosial mana-mana individu yang dikaitkan dengan sesuatu kontroversi	59.1	23.5	1.0	4.0	2.3
15	Gambar peribadi saya pernah diubahsuai dan disebarikan sebagai bahan sendaan	62.6	16.2	5.7	9.1	6.4

Berdasarkan jadual 3, gangguan buli siber yang dilihat kerap berlaku kepada responden ialah pernah diaibkan di media sosial iaitu sebanyak 38.3%, diikuti menerima komen memalukan dan berunsur penghinaan sebanyak 34.1%,

menerima ugutan dan kejian (30.8%), gangguan seksual (25%), laman sosial peribadi diceroboh (20.3%), pengubahsuaian gambar peribadi 15.5%, bahan gurauan dan jenaka di media sosial (12.1%), dan terakhir video atau penulisan dikongsikan tanpa kebenaran (10.8%). Meskipun secara puratanya pola gangguan buli siber dalam kalangan responden masih sederhana, namun ia perlu dilihat secara serius memandangkan media sosial seharusnya menjadi platform yang selamat buat para pengguna. Dalam masa yang sama, penelitian yang dilakukan terhadap pola perlakuan buli siber oleh responden pula secara puratanya mencatatkan dapatan yang rendah, iaitu pernah mempersendakan kenalan sebanyak 6.7%, menyerang akaun pengguna media sosial lain (6.3%), menggodam akaun media sosial kenalan (4.0%), mengubahsuaikan gambar individu lain (3.7%), berkongsi video atau hantaran tanpa kredit kepada pemilik asal (3.4%) dan terakhir seronok melihat individu lain dibuli di media sosial (1.4%). Justeru, dapat disimpulkan bahawa perlakuan buli siber agak rendah oleh pengguna media sosial dalam kalangan wanita, sebaliknya mereka lebih berisiko terdedah sebagai mangsa kepada gangguan buli siber.

KESIMPULAN

Penggunaan media sosial merupakan keperluan utama bagi setiap masyarakat, terutamanya pada era Revolusi Industri 4.0. Namun, penggunaannya secara tidak beretika mendedahkan kepada penyalahgunaan media sosial bagi tujuan yang menyalahi norma masyarakat dan undang-undang. Gejala pembulian siber dilihat menjadi trend masa kini yang semakin berleluasa dan jika tidak dibendung, boleh membawa kepada kesan yang serius terhadap masyarakat. Golongan wanita dilihat menjadi sasaran utama terhadap gejala ini berbanding lelaki sekaligus memberikan kesan terhadap kesejahteraan psikologi mereka. Risiko ini berpotensi meningkat berikutan keperluan terhadap akses internet yang semakin meningkat sepanjang tempoh penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Justeru, pendedahan terhadap hak sebagai pengguna media sosial serta bantuan sistem sokongan yang sewajarnya perlu diberikan bagi melindungi mereka daripada terdedah sebagai mangsa kepada jenayah ini. Platform media sosial seharusnya menjadi medan interaksi yang selamat dan bebas daripada sebarang ancaman, gangguan dan pencerobohan privasi mana-mana pihak. Justeru, setiap pihak perlu mengambil inisiatif bagi mewujudkan ekosistem digital yang harmoni menerusi kawalan sendiri dalam penggunaan media sosial.

RUJUKAN

Alim, S. (2017). Cyberbullying In The World Of Teenagers And Social Media: A Literature Review. In Information Resources Management Association, Gaming and Technology Addiction: Breakthroughs in Research and Practice, 520–552.

- Ansong, E.D. Tony, T., Dominic, D., E. Afum Ampomah & Winfred Larkotey. (2013). Internet Trolling in Ghana. *International Journal of Emerging Science and Engineering*, 2(1), 42-43.
- Astro Awani. (2019). MCMC Perlu Diberi Kuasa Padam Berita Palsu, Fitnah Serta Perkauman, <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mcmc-perlu-diberi-kuasa-padam-berita-palsu-fitnah-serta-perkauman-200518>, dicapai pada 12 September 2020.
- Berita Harian (2020). COVID-19: Pesakit trauma akibat cemuhan netizen, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/682940/covid-19-pesakit-trauma-akibat-cemuhan-netizen>, dicapai pada 17 September 2020.
- Berita Harian. (2018). Ancaman Buli Siber, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/01/370155/ancaman-buli-siber>, dicapai pada 17 September 2020.
- Bername (2019). Buli Siber Perlu Ditangani Segera. <https://www.bernama.com/bm/news.php?id=1791049>, dicapai pada 17 September 2020.
- Che Hasniza Che Noh, Mohd Yusri Ibrahim & Fatimah Yusooff. (2018). Meneroka Ciri dan Faktor Buli Siber dalam Kalangan Remaja di Malaysia. Terengganu: Penerbit UMT.
- Griffiths, M.D. (2014). Adolescent Trolling In Online Environment: A Brief Overview. *Education and Health Journal*, 32(3), 85-87.
- Harian Metro (2020). Mangsa Buli Siber Boleh Bertukar Jadi Pembuli. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/05/575040/mangsa-buli-siber-boleh-bertukar-jadi-pembuli>, dicapai pada 17 September 2020.
- IPPBM (2017). Buli Siber dalam Kalangan Remaja di Malaysia. <https://www.ippbm.gov.my/jdownloads/Infografik%20penyelidikan/Buli%20Siber%20Dalam%20Kalangan%20Belia%20Malaysia.pdf>
- Morrissey, L. (2010). Trolling Is A Art: Towards A Schematic Classification Of Intention In Internet Trolling. *Griffith Working Papers in Pragmatics and Intercultural Communication*, 3(2), 75-82.
- O'Neill, M., Calder, A., & Allen, B. (2014). Tall Poppies: Bullying Behaviors Faced By Australian High-Performance School-Age Athletes. *Journal of School Violence*, 13(2), 210--227.
- Raphael Cohen-Almagor (2018), Social responsibility on the Internet: Addressing the challenge of cyberbullying, *Aggression and Violent Behavior*, 39, 42-52.
- Ruiz, R. M. N. M. (2019). Curbing Cyberbullying among Students: A Comparative Analysis of Existing Law among Selected Asean Countries. *PEOPLE: International Journal of Social Science*, 4(3), 1285-1305.
- Zulkarnain Zakaria & Hishamuddin Md. Som (2001), *Analisis Data Menggunakan SPSS Windows*, Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.